

Fakulti Perubatan UPM

Kompleks baru bernilai RM202 juta dibina

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) akan membina Kompleks Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dengan kos RM202 juta.

Kompleks yang dijangka siap sepenuhnya pada 9 Januari 2006 itu dibina bersebelahan Hospital Serdang.

Fakulti berkenaan merupakan satu-satunya fakulti di UPM yang dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur sepenuhnya.

Menurut Naib Canselor UPM, Prof. Datuk **Dr. Mohd Zohadie Bar-daie**, pembinaan kompleks berkenaan akan melonjakkan permintaan

terhadap pelajar program perubatan di negara ini.

"Ini sekali gus akan menambah bilangan doktor di negara ini yang semakin tinggi permintaannya," katanya pada majlis pecah tanah di Serdang, Selangor baru-baru ini.

Kompleks itu mempunyai enam blok utama iaitu blok pentadbiran, blok pensyarah, blok makmal, blok perpustakaan dan muzium, blok kuliah dan blok tutorial dan blok kediaman pelajar.

Pihak universiti menyerahkan kontrak pembinaan kompleks tersebut kepada Five-H Project Management Sdn. Bhd. dan Sunissa Sdn. Bhd. selaku perunding dan pemaaju

projek tersebut.

Menurut Zohadie, pada masa ini pelajar fakulti berkenaan tidak tertumpu di satu pusat, sebaliknya berselerak di kampus Serdang dan Kuala Lumpur.

"Kompleks berkenaan akan dapat mengumpulkan semua pelajar di satu tempat," katanya.

Kemudahan

Hospital Serdang yang dijangka siap pada tahun 2004 akan digunakan sebagai hospital pengajaran untuk pelajar fakulti berkenaan.

Sekali gus, ini dapat mengangkat martabat program Perubatan dan

beberapa program yang lain ke tahap yang lebih tinggi, kata Zohadie.

UPM kini semakin rancak menyediakan kemudahan dan prasarana yang terbaik untuk mewujudkan suasana pekerjaan dan pembelajaran yang lebih kondusif.

Ini akan dapat membantu proses pembelajaran dan cara kerja dengan lebih efektif.

Pada masa ini, dengan sokongan dan pembiayaan kerajaan, beberapa projek pembangunan akademik dan pelajar sedang dijalankan di UPM.

Ini termasuklah Kompleks Penyelidikan dan Pembangunan Fasa 1, Kompleks Perumahan Siswazah, Fa-

kulti Kejuruteraan Fasa 2B dan Kompleks Fakulti Perubatan Veterinar. Malah beberapa projek lagi akan mula dilaksanakan dalam jangka masa terdekat ini.

Sementara Dekan Fakulti Perubatan Sains dan Kesihatan, **Prof. Dr. Azhar Md. Zain** berkata, pembinaan kompleks tersebut dapat meningkatkan pengukuhan komunikasi dan interaksi sesama pelajar dan kakitangan.

"Malah ia akan dapat mengurangkan pembaziran masa untuk berulang-alik dari fakulti ke hospital," katanya. Kualiti pengajian secara teori dan praktikal pula akan dapat dipertingkatkan, kata Dr. Azhar.



**DR. ZOHADIE
BARDAIE**